كمنترين كبودايءن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CANANG

November 2025

PETIKAN TITAH

Melalui majlis ini, Beta berpeluang mendekati dan berinteraksi dengan rakyat Beta, lebih-lebih lagi para pelajar yang sedang menuntut di sini. Para pelajar yang melanjutkan pengajian di luar negara seperti Malaysia, adalah berpeluang untuk memperolehi pendedahan dan persekitaran berbeza. Ini sangat baik untuk mengasah "bakat berdikari" dalam masa berjauhan dengan ibu bapa.

Ini adalah wajar, berdasarkan beberapa kejadian buruk telah berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Kejadian-kejadian ini tentu sahaja merisaukan pihak kerajaan dan ibu bapa. Oleh itu, berhati-hati dalam perkara pergaulan dan memilih kawan adalah sangat penting untuk diambil ingatan, sebagaimana ugama kita sendiri menggalakkan untuk memilih kawan yang baik yang berakhlak mulia.

Tugas para pelajar ialah untuk meraih kejayaan. Namun apabila sudah berjaya, janganlah lekas selesa dengan kejayaan itu. Maksud Beta, kejayaan mendapat skor yang baik di atas kertas belum mencukupi, melainkan kejayaan yang sebenar-benarnya ialah kita berupaya mengembangkan potensi diri, meliputi segi-segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Menyentuh mengenai inovasi, para pelajar hari ini sedang melalui proses pembelajaran yang semakin mencabar, dimana penggunaan Kecerdasan Buatan atau AI telah memberikan impak besar terhadap cara pengurusan dalam ekosistem pendidikan. Penggunaan Generatif AI menawarkan pelbagai kelebihan pembelajaran yang lebih efektif dan berimpak tinggi. Namun, hendaklah perkara itu digunakan secara berhemah dan berintegriti. Kebergantungan kepada AI secara berlebihan, tentu sahaja boleh mengancam pembangunan kemahiran lain seperti pemikiran kritis dan kreativiti. Kita boleh gunakan AI sebagai alat bantu, tetapi bukan untuk menggantikan usaha dan kebijaksanaan.

Selain perubahan dalam ekosistem pendidikan, beta juga ingin menzahirkan kebimbangan terhadap pengaruh negatif yang semakin meluas yang mencakupi pelbagai aspek. Gejala penyalahgunaan dadah, rokok elektronik atau vape bukan sahaja boleh merosakkan kesihatan tetapi juga mampu untuk melumpuhkan prestasi akademik dan reputasi pelajar. Gejala buli juga, dalam apa jua bentuknya perlu dicegah kerana aktiviti buli bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa buli tapi juga pembuli sendiri.

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI MAJLIS BERSAMA PENUNTUT-PENUNTUT BERSERTA RAKYAT DAN PENDUDUK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI MALAYSIA

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:
Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:
Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras:
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting:
Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:
Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:
Jabatan Penerangan

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NBD KE 6TH ISLAMIC SOLIDARITY GAMES 2025

BERAKAS, Isnin, 12 Jamadilawal 1447/3 November 2025 – Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Perpaduan Islam Ke-6 yang akan berlangsung secara rasminya bermula pada 07 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai seramai 13 orang terdiri daripada 7 orang atlet dan 6 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia dan Jurulatih.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025, Riyadh, Arab Saudi telah berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir menyempurnakan majlis berkenaan ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

THE SECOND WORLD SUMMIT ON SOCIAL DEVELOPMENT

DOHA, QATAR, Khamis, 15 Jamadilawal 1447/06 November 2025 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri The Second World Summit on Social Development yang diadakan pada 4 hingga 6 November 2025 di Doha, Qatar. Sidang Kemuncak tersebut menghimpunkan lebih 14,000 peserta dari seluruh dunia, termasuk Ketua-ketua Negara dan Kerajaan, Timbalan-Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri bertanggungjawab terhadap pembangunan sosial, ketua-ketua pertubuhan antarabangsa, pemimpin belia, masyarakat sivil dan sektor swasta; dan seterusnya mengesahkan Doha Political Declaration, yang menekankan tiga keutamaan yang saling berkait, iaitu pembasmian kemiskinan, pekerjaan yang penuh dan produktif serta pekerjaan yang layak untuk semua, dan integrasi sosial.

Selain sesi plenari, beberapa platform dan inisiatif berkaitan turut diadakan termasuk dua High-Level Round Tables bagi membincangkan pengukuhan usaha pembasmian kemiskinan, mengwujudkan peluang pekerjaan yang layak, peningkatan keterangkuman sosial, dan mengkaji semula kemajuan serta cabaran dalam pelaksanaan komitmen di bawah Copenhagen Declaration on Social Development and its Programme of Action dan 2030 Agenda for Sustainable Development.

Hadir bersama Yang Berhormat Dato ialah pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI EDISI KE-6 SUKAN SOLIDARITI ISLAM 2025

RIYADH, ARAB SAUDI, Jumaat, 16 Jamadilawal 1447/07 November 2025 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Edisi Ke-6 Sukan Solidariti Islam 2025 yang diadakan pada 7 November 2025 di Riyadh, Kerajaan Arab Saudi, atas jemputan His Royal Highness Prince Abdulaziz bin Turki Al-Faisal Al-Saud, Menteri Sukan Kerajaan Arab Saudi.

Sempena penganjuran sukan tersebut, Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi telah mengukuhkan hubungan dua hala melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Sukan Kerajaan Saudi Arabia mengenai Kerjasama dalam Bidang Belia dan Sukan. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan His Royal Highness Prince Abdulaziz bin Turki Al-Faisal Al-Saud, Menteri Sukan Kerajaan Arab Saudi.

Mengiringi Yang Berhormat Dato ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KING'S BATON RELAY

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Jamadilawal 1447/09 November 2025 – Seramai lebih 350 peserta memeriahkan King's Baton Relay yang meliputi jalan-jalan di ibu negara sejauh 3.6 kilometer sempena sebahagian daripada persediaan menuju Sukan Komanwel Glasgow 2026.

Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council – BDNOC) dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan King's Baton Relay bertempat di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Acara berkenaan dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Pesuruhjaya Tinggi dan wakil-wakil di Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara utama bagi Negara Brunei Darussalam ialah King's Baton Relay dan selepas relay berkenaan, King's Baton akan dibawa ke Pantai Meragang esok, Isnin, 10 November 2025, bagi memperingati hari pembersihan plastik.

Sambungan Muka Surat 6

Sambungan Muka Surat 7

Sambungan Muka Surat 8

AUSTRALIA HADIAHKAN FOTO PERANG 1945 KEPADA BRUNEI SEMPENA HARI PERINGATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Jamadilawal 1447/11 November 2025 - Suruhanjaya Tinggi Australia di Brunei Darussalam telah menghadiahkan koleksi foto daripada kempen ketenteraan Bersekutu Operation Oboe tahun 1945 kepada Arkib Negara Brunei Darussalam. Majlis penyerahan koleksi foto tersebut berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan sempena Hari Peringatan pada 11 November 2025.

Majlis tersebut telah disempurnakan dengan penyerahan rasmi koleksi foto oleh Tuan Yang Terutama Michael Hoy, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Brunei Darussalam, kepada Arkib Negara Brunei Darussalam yang diterima oleh Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium. Majlis turut disaksikan oleh Tetamu Kehormat, Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS MENGAGAI CALON PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA (THE S.E.A. WRITE AWARD)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Jamadilawal 1447/13 November 2025 - Majlis Mengagai Calon Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 2024 telah diadakan secara maya melalui aplikasi Zoom.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan bertanggungjawab selaku Urus Setia Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi NBD.

Seorang lagi penulis tanah air diangkat dan diiktiraf untuk menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara. Panel Penilai Anugerah NBD telah sepakat memilih novel 20 yang sekali gus mengangkat penulisnya, Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Samihon dengan nama pena beliau, Nur Hamizah Samihon sebagai calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi NBD 2024.

Majlis berkenaan diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.



PLATFORM MEMPERKENALKAN PRODUK DIHASILKAN USAHAWAN BAKARIH YAYASAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Jamadilawal 1447/14 November 2025 - Hari Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (HBY 2025) merupakan platform perniagaan bagi mengenalkan produk-produk yang dihasilkan oleh para Usahawan Bakarih Yayasan (UBY), iaitu para pengusaha yang dilahirkan melalui program bantuan modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran HBY 2025 telah berlangsung di Kompleks YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan HBY 2025, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

FESTIVAL KETENGAHKAN BUDAYA TRADISIONAL, KONTEMPORARI JEPUN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Jamadilawal 1447/15 November 2025 - Majlis Pembukaan Japanese Culture & Film Festival 2025 berlangsung di Times Square Shopping Centre telah dihoskan bersama oleh Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dan Times Square Shopping Centre.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Wadaiko (dram Jepun) oleh kumpulan HIBIKIYA dari Singapura, yang membuka tirai festival dengan persembahan bertenaga.

Japanese Culture & Film Festival 2025, yang berlangsung dari 15 hingga 16 November di Times Square Shopping Centre, dibukakan kepada orang ramai secara percuma.

Festival ini bertujuan mengetengahkan budaya tradisional dan kontemporari Jepun, di samping menyediakan platform untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian, biasiswa dan program pertukaran belia di Jepun.

PERASMIAN SIMPOSIUM KESUSASTERAAN KEBANGSAAN 2025

BERAKAS, Selasa, 27 Jamadilawal 1447/18 November 2025 - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kumpulan Putra Seni menganjurkan Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Kali Kedua pada 18 dan 19 November 2025 bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan simposium tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad. Simposium pertama yang diadakan pada tahun 2023 memberi tumpuan kepada kegiatan sastera, Muslim Burmat.

Bagi simposium kali ini yang bertemakan 'Menelusuri Warisan Sastera Shukri Zain: Inspirasi untuk Nasionalisme dan Nilai-nilai Kebruneian,' sebanyak dua kertas ucap utama dan 12 buah kertas kerja akan dibentangkan, kesemuanya berfokus pada kegiatan sastera Allahyarham Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, yang juga dikenali dengan nama pena Shukri Zain.

SIMPOSIUM KESUSASTERAAN KEBANGSAAN KE-2 LABUH TIRAI

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Jamadilawal 1447/19 November 2025 - Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Ke-2 2025 menutup tirainya pagi tadi pada Majlis Penutup yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Simposium yang bertemakan 'Menelusuri Warisan Sastera Shukri Zain: Inspirasi untuk Nasionalisme dan Nilai-nilai Kebruneian', telah membentangkan sebanyak dua kertas ucaptama dan 14 buah kertas kerja.

Pada majlis berkenaan turut diselajurkan dengan pembentangan resolusi, iaitu hasil daripada hasrat, cadangan dan pandangan dalam teks ucaptama I, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; dan ucaptama II, Datuk Jasni Matlani; serta para pembentangan kertas-kertas kerja simposium daripada 12 orang yang telah menyimpulkan resolusi-resolusi untuk pihak-pihak berkepentingan.

PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA HARI KANAK-KANAK SEDUNIA 2025

Perutusan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan
Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2025

"Dengarkan Suara Masa Depan"

Dalam dunia moden dan digital yang penuh cabaran pada masa kini, kanak-kanak juga perlu dibimbing dan diasuh dengan bijaksana serta dilindungi daripada ancaman yang semakin kompleks, terutamanya yang mungkin datang melalui ruang digital.

Oleh itu, kami mengalu-alukan usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi untuk membangunkan dan melindungi kanak-kanak kita melalui pelbagai program, termasuk:

a) Sustainable Development Goals (SDG) Youth Camp yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sokongan pelbagai agensi pada Ogos 2024, untuk meningkatkan kesedaran tentang Matlamat Pembangunan Mampan serta membina kemahiran kepimpinan dan pemikiran kritikal.

b) Pelancaran Garis Panduan Penggunaan Skrin Mengikut Umur di Negara Brunei Darussalam telah diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Kementerian Kesihatan pada Disember 2024, di bawah kempen "Disconnect to Reconnect", bertujuan membantu ibu bapa mengawal penggunaan skrin anak-anak dan memupuk hubungan kekeluargaan lebih sihat.

c) Pelaksanaan Pelan Tindakan Serantau ASEAN mengenai Penghapusan Keganasan terhadap Kanak-Kanak (RPA on EVAC) pada bulan Jun 2025, yang mana sesi konsultasi telah diadakan bersama kanak-kanak dalam situasi rentan mengenai isu buli siber menunjukkan betapa pentingnya suara kanak-kanak dalam merangka dasar dan tindakan perlindungan yang lebih menyeluruh.

d) Bengkel Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian (Child Online Protection) yang dianjurkan oleh CyberSecurity Brunei pada bulan Jun 2025 menyeru kerjasama rentas agensi dalam memperkukuh langkah pencegahan, mekanisme pelaporan, dan perlindungan dalam talian.

e) Program-program kesedaran telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Islam mengenai Pengaruh Media Sosial terhadap pelajar sekolah, Program Celik IT dan Program Hidup Berpandukan Sunnah, yang menekankan adab serta keseimbangan dalam penggunaan teknologi dan bertujuan mendidik pelajar menjadi pengguna digital yang beretika dan berfikiran matang dalam era keselamatan siber masa kini.

Perutusan Penuh, Sila Tekan Pautan ini:

Perutusan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan
Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2025

SESI MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BERSAMA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Jamadilawal 1447/20 November 2025 – Sesi Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Turut hadir dalam Sesi Muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan); Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan); Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) serta Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sesi Muzakarah diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam selaku Ketua Rombongan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sambungan Muka Surat 18

MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG PENGGUNAAN TEKNOLOGI BERETIKA, SEIMBANG

JERUDONG, Sabtu, 1 Jamadilakhir 1447/22 November 2025 – Seramai 20 pelajar yang terdiri dari Tahun 8 hingga Tahun 10 mewakili Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Sayyidina Husain dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini menghadiri Forum dan Bengkel Voices of Children bertajuk 'Menghubungkan dan Melindungi' yang berlangsung di Rumah Al-Hamasah, Kompleks Sukan Jerudong.

Forum dan bengkel berkenaan adalah sebahagian daripada sambutan global Hari Kanak-kanak Sedunia 2025 anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, agensi swasta dan persatuan bukan kerajaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Awang Haji Nazmi Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan ucapan daripada Pesuruhjaya Brunei Darussalam ke ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC), Dato Paduka Dr. Haji Omar bin Haji Khalid selaku Pengerusi Majlis yang menekankan bahawa tema Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2025, 'Dengarkan Suara Masa Hadapan', menggariskan kepentingan melindungi kanak-kanak, menyokong pendidikan dan kesihatan mereka, serta memastikan mereka mempunyai suara dalam keputusan yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

BENGKEL MEMPERKUKUH STRATEGI PERLINDUNGAN DIGITAL, KESEJAHTERAAN SOSIAL KANAK-KANAK

JERUDONG, Sabtu, 1 Jamadilakhir 1447/22 November 2025 – Forum dan Bengkel Voices of Children bertajuk 'Menghubungkan dan Melindungi (Connect and Protect)' diteruskan dengan sesi bengkel yang diadakan di Rumah Al-Hamasah, Kompleks Sukan Jerudong.

Bagi sesi bengkel, ia dikendalikan oleh Pengurus Penyiaran dan Peraturan Kandungan dari AITI, Dayang Nur Syamimi binti Suhaimi selaku fasilitator utama dan lima pakar yang akan membantu perbincangan para pelajar.

Bengkel ini dipecahkan kepada empat kumpulan dan dirumuskan mengikut tajuk masing-masing. Kumpulan 1 - Protection Against All Forms of Bullying, Kumpulan 2 - Balancing Digital Life & Mental Health, Kumpulan 3 - AI, Children's Rights & Online Safety dan Kumpulan 4 - Shared Responsibility for Child Safety & Protection.

Untuk mencapai matlamat ini, mereka menekankan kepentingan untuk bersuara tentang kebimbangan, menyokong satu sama lain, dan sentiasa mendapatkan maklumat tentang risiko, cabaran, dan kesan berkaitan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.

Bengkel diakhiri dengan pembentangan hasil bengkel dari empat kumpulan tersebut dan seterusnya penyampaian cenderahati oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) selaku tetamu kehormat, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

BRUNEI DARUSSALAM MEMBUKA RASMI DAN MELANCARKAN PROGRAM PERTAMA BAS BELIA BIMP-EAGA 2025



BERAKAS, Ahad, 2 Jamadilakhir 1447/23 November 2025 – Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mencatat pencapaian serantau penting dengan pelancaran dan pelepasan rasmi Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025, yang menghimpunkan belia dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Indonesia, Malaysia dan Filipina untuk mengikuti perjalanan pembelajaran merentasi destinasi-destinasi terpilih dalam rantau BIMP-EAGA.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Direka untuk mengukuhkan hubungan rakyat-ke-rakyat, program ini menyokong aspirasi BIMP-EAGA untuk membina perpaduan serantau, pemahaman silang budaya, dan kerjasama jangka panjang dikalangan generasi muda.

SIARAN AKHBAR PENUTUPAN SEMENTARA JALAN RAYA DI JAMBATAN SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN (SHOAS) BAGI THE BRUNEI HALF MARATHON 2025

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

PENUTUPAN JALAN RAYA SEMENTARA DI JAMBATAN SULTAN HAJI OMAR' ALI SAIFUDDIEN (SHOAS) BAGI THE BRUNEI HALF MARATHON 2025

1. Bandar Seri Begawan, 24 November 2025 – Jawatankuasa Penganjur bagi *The Brunei Half Marathon* (TBHM) 2025 ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) akan ditutup sementara bagi laluan kenderaan **mulai pukul 8:00 malam, 29 November 2025 sehingga pukul 10:00 pagi, 30 November 2025**, untuk memastikan kelancaran serta keselamatan penganjuran ***The Brunei Half Marathon* 2025.**

2. Penutupan sementara ini merupakan langkah penting dalam pengurusan trafik dan keselamatan yang telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan, bagi menjamin suasana perlumbaan yang selamat dan teratur untuk lebih 3,000 peserta dari Brunei Darussalam dan pelbagai negara di seluruh dunia.

3. **BUTIRAN PENUTUPAN JALAN RAYA**

   A) Jambatan Sultan Haji Omar' Ali Saifuddien (SHOAS)

Tarikh & Waktu	Butiran Trafik
10:00 pagi–8:00 malam, 29 November 2025	Laluan menuju Brunei-Muara ditutup. Jalan lencongan disediakan dan laluan di atas Jambatan SHOAS masih **dibuka kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (*contraflow traffic system*). Para pengguna jalan raya adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mematuhi papan tanda lalu lintas serta memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
8:00 malam, 29 November 2025 **hingga** **10:00 pagi, 30 November 2025**	Jambatan SHOAS akan **ditutup kepada semua kenderaan, kecuali kenderaan kecemasan, kes-kes kecemasan serta kenderaan yang telah mendapat kelulusan khas awal**. Sepanjang tempoh penutupan ini, mana-mana kenderaan yang dibenarkan menggunakan jambatan adalah **dilarang berhenti pada bila-bila masa dan hendaklah terus memandu dengan mematuhi had laju yang ditetapkan.**
10:00 pagi, 30 November 2025	Laluan menuju Brunei-Muara di Jambatan SHOAS akan masih ditutup. Laluan lencongan disediakan, dan laluan di atas jambatan akan **dibuka semula kepada semua kenderaan** melalui sistem aliran kontra (*contraflow traffic system*). Para pengguna jalan raya adalah dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati serta mematuhi papan tanda lalu lintas dan memandu dalam had laju yang ditetapkan demi keselamatan bersama.
12:00 petang 30 November 2025	Laluan menuju Brunei-Muara dibuka semula.

1

B) Jalan Kota Batu
(Antara Masjid Kampong Sungai Besar dan Masjid Kampong Serdang)

Date & Time	Traffic Details
8:00 malam, 29 November 2025	Jalan raya akan ditutup sepenuhnya, dengan akses hanya dibenarkan kepada penduduk setempat serta kenderaan yang telah mendapat kelulusan khas.
10:00 pagi, 30 November 2025	Jalan raya akan dibuka semula kepada semua kenderaan.

4. PERKHIDMATAN BAS *SHUTTLE*

Sepanjang tempoh penutupan jalan, perkhidmatan bas *shuttle* akan turut disediakan bagi orang awam yang ingin melakukan perjalanan antara Brunei-Muara dan Temburong seperti berikut:

Sabtu, 29 November 2025

TRIP	*PICK-UP / DROP-OFF*	BERLEPAS	TIBA	*PICK-UP / DROP-OFF*	BERLEPAS	TIBA	TEMPOH
1	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	8:00 PM	8:50 PM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	8:00 PM	8:50 PM	50 minit
2	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	9:00 PM	9:50 PM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	9:00 PM	9:50 PM	50 minit
3	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	10:00 PM	10:50 PM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	10:00 PM	10:50 PM	50 minit

Ahad, 30 November 2025

TRIP	*PICK-UP / DROP-OFF*	BERLEPAS	TIBA	*PICK-UP / DROP-OFF*	BERLEPAS	TIBA	TEMPOH
1	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	5:00 AM	5:50 AM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	5:00 AM	5:50 AM	50 mins
2	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	6:00 AM	6:50 AM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	6:00 AM	6:50 AM	50 mins
3	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	7:00 AM	7:50 AM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	7:00 AM	7:50 AM	50 mins
4	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	8:00 AM	8:50 AM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	8:00 AM	8:50 AM	50 mins
5	Stadium Tertutup → BIBD Connects Temburong	9:00 AM	9:50 AM	BIBD Connects Temburong → Stadium Tertutup	9:00 AM	9:50 AM	50 mins

5. **NASIHAT PERJALANAN**

Sepanjang tempoh ini, para pengguna jalan raya yang melakukan perjalanan antara Bandar Seri Begawan dan Daerah Temburong adalah dinasihatkan untuk merancang perjalanan lebih awal, menjangkakan kemungkinan kelewatan, serta mempertimbangkan laluan alternatif sekiranya perlu.

Pasukan pengurusan trafik yang menyeluruh, papan tanda khas, serta pasukan keselamatan akan ditempatkan di kawasan yang terlibat bagi memastikan kelancaran dan keselamatan semua pengguna jalan raya. Akses bagi kenderaan kecemasan akan dikekalkan pada setiap masa.

Orang awam yang mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan jambatan semasa tempoh penutupan terhad (8:00 malam, 29 November 2025 hingga 10:00 pagi, 30 November 2025) boleh menghubungi pihak penganjur melalui emel di info@thebruneihalfmarathon.com

6. Jawatankuasa Penganjur The Brunei Half Marathon (TBHM) 2025 memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin dialami oleh orang awam sepanjang tempoh penutupan ini. Pihak Jawatankuasa juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang awam atas kefahaman dan kerjasama yang diberikan. Penutupan sementara ini adalah langkah penting bagi memastikan keselamatan para peserta serta kejayaan penganjuran acara yang berprestij dan signifikan bagi negara.

Disediakan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
24 November 2025

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN ASIA TENGGARA (SUKAN SEA) KE-33 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Jamadilakhir 1447/25 November 2025 – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 2025.

Majlis Penyerahan Bendera Negara disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Negara Brunei Darussalam dalam temasya Sukan SEA ke-33 ini akan diwakili oleh seramai 135 kontinjen, dengan 65 daripadanya adalah atlet yang akan menyertai 9 acara sukan daripada 54 sukan yang dipertandingkan. Sukan berkenaan ialah Akuatik Renang, Angkat Berat, Bola Jaring, Karate, Pencak Silat, Polo, Sepak Takraw, Taekwondo, dan Wushu. Mengiringi para atlet adalah para pegawai yang bertugas dan pasukan urus setia yang tidak hanya akan memastikan prestasi atlet sentiasa pada tahap yang terbaik, tetapi menjamin kesejahteraan mereka tetap terjaga sepanjang kejohanan berlangsung.

KUNJUNGAN HORMAT DARI TYT DR. NASSER ALDOSSARY, MINISTRY OF ENERGY, KINGDOM OF SAUDI ARABIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jamadilakhir 1447/25 November 2025 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Dr. Nasser Aldossary, Deputy Minister of International Relations and Cooperation, Ministry of Energy, Kingdom of Saudi Arabia.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Bahagian Pembangunan dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyentuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

E-Poster Sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2025

كمنترين كبودايان، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn
Instagram: @kkbs_brunei
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan